

Hubungan Perbankan Dalam Perbankan Islam

Banking Relationship in Islamic Banking

Wan Farah A'yunie Wan Nasrudin (ayunie2404@gmail.com)
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor D.E

Mohd Adib Ismail (mohadis@ukm.my)
Islamic Economics and Finance Research Group (EKONIS)
School of Economics, Faculty of Economics and Management
Univesiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor D.E

ABSTRAK

Sistem Perbankan pada masa kini tidak menitikberatkan hubungan perbankan iaitu hubungan antara pihak bank dan para pelanggan. Kesan dari itu, wujudnya jurang atau ketidakserataan maklumat antara pelanggan dan bank. Kertas ini membincangkan mengenai hubungan perbankan iaitu hubungan antara pelanggan dan pihak bank. Pendekatan ini boleh mewujudkan hubungan yang baik antara pihak bank dan pelanggan. Berdasarkan kajian lepas, ramai pengkaji membuktikan bahawa hubungan perbankan memainkan peranan penting dalam menentukan presatasi sesebuah bank. Disamping dapat meningkatkan prestasi bank, kesan jangka panjang juga dapat dilihat iaitu hubungan yang baik antara bank dan para pelanggan. Dari kajian ini dapat dirumuskan bahawa hubungan perbankan adalah sangat penting dalam institusi perbankan.

Kata Kunci: Hubungan Perbankan, Perbankan Islam, Perkongsian Untung Rugi

ABSTRACT

Banking system nowadays do not emphasize relationship banking between the bank and it customers. The effect of that, there exists a gap or friction information between bank and customers. This paper will discuss about relationship banking. This approach can establish a good relationship between bank and customers. Based on previous studies, many researcher proved that relationship banking play an important role in determining the performance of a bank. In addition to improving the performance of bank, long term effect can also be seen that a good relationship between them. From this studies, it can be conclude that relationship banking is important in banking system.

Keywords: Relationship Banking, Islamic Banking, Profit Loss Sharing (PLS)

PENDAHULUAN

Istilah perbankan berasal dari perkataan 'bank'. Bank didefinisikan sebagai institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan seperti pertukaran mata wang, pemberian pinjaman, terimaan bil pertukaran, jagaan wang dan sebagainya. *Qamus al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam* pula menyatakan bank sebagai tempat untuk meletakkan harta bagi tujuan pekerjaan tertentu di bawah penyelenggaraan yang khusus.

Perbankan Islam pula didefinisikan sebagai perbankan yang selaras dengan sistem nilai dan etos Islam. Ini bermakna semua aktiviti yang dijalankan adalah mengikut dan berlandaskan kehendak syariah Islam dan kaedah fiqh. Objektif perbankan Islam adalah bukan semata-mata untuk memaksimumkan keuntungan seperti perbankan konvensional tetapi adalah untuk dua faktor iaitu faktor agama dan semestinya faktor keuntungan. Sepertimana takrifan umum yang diberikan oleh *Al-Najjar*, perbankan Islam adalah sebagai pertubuhan kewangan yang mengumpul dana dan menjalankan operasinya dalam lingkungan syariah Islam dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merealisasikan keadilan pengagihan serta menggunakan dana-dana itu mengikut landasan Islam. Di sini jelas menunjukkan kepentingan agama dalam perbankan Islam.

Walaupun pelbagai definisi diberikan terhadap perbankan Islam, namun menurut Persatuan Bank-Bank Islam Antarabangsa (IAIB), perbankan Islam adalah perbankan yang ditubuhkan untuk

menggerakkan dana-dana dan menggunakannya selaras dengan syariah Islam bagi tujuan mengembangkan ikatan kesatuan Islam dan memastikan keadilan pengagihan di samping menggunakan dana-dana tersebut selaras dengan prinsip-prinsip Islam. Menurut kebanyakan penulis ekonomi Islam yang telah dirumuskan oleh Ab.Mumin Ab.Ghani, sesuatu sistem perbankan itu boleh dianggap sebagai Islam apabila semua urusniaganya adalah berasaskan perkongsian pulangan dan risiko (*Risk Return Sharing*) yang berdasarkan ekuiti di kalangan pesertanya. Asas bagi urusniaga tersebut pula ialah perkongsian dengan pelanggan bukannya sebagai hubungan si penghutang dengan si pemiutang.

Dengan idea yang dirumuskan oleh Ab.Mumin Ab.Ghani tersebut, jelas menunjukkan pentingnya hubungan perbankan dalam perbankan Islam. Ia bukan sahaja hubungan yang berteraskan hutang antara pelanggan dan bank tetapi berasaskan perkongsian dan silaturrahim antara kedua pihak tersebut.

Hubungan perbankan pula didefinisikan sebagai penyediaan perkhidmatan kewangan oleh perantara kewangan yang melabur dalam mendapatkan maklumat pelanggan yang khusus dan menilai keuntungan pelaburan tersebut melalui beberapa interaksi dengan pelanggan dari masa ke semasa dan / atau melalui produk-produk yang digunakan oleh pelanggan tersebut. (Boot 2000). Melalui konsep ini, bank akan mengembangkan hubungannya dengan pelanggan dengan menggunakan pengurus hubungan yang khusus, di mana pengurus ini akan mengenali para pelanggan mereka dan dengan itu, mudah bagi pihak bank untuk berurusan dengan pelanggan dan mengetahui kemampuan dan potensi para pelanggan mereka.

Berger dan Udell (2002), menekankan hubungan perbankan didasarkan pada hubungan yang rapat di antara pelanggan dan pihak bank. Melalui hubungan ini, bank mempunyai peluang untuk mengumpul maklumat pelanggannya serta menilai tahap keupayaan pengurusan pelanggan mereka. Di samping itu, pelanggan juga lebih berkeyakinan bahawa bank akan lebih bersedia untuk menyokongnya.

Walaubagaimanapun, jika dilihat dalam sektor perbankan di negara kita, hubungan perbankan tidak dititikberatkan. Akibatnya wujud masalah maklumat asimetri yang mana jelas hanya salah satu pihak lebih mengetahui pihak yang lain dan maklumat yang diperolehi adalah tidak sempurna. Mitchell (2005) telah membahagikan masalah ini kepada dua jenis iaitu institusi kewangan dan bukan kewangan. Gorton dan Pennachi (1990) pula menyatakan keadaan pasaran yang mana sekiranya berada dalam keadaan sempurna, segala maklumat yang diperlukan akan diperolehi. Walaubagaimanapun, dalam pasaran terdapat institusi pinjaman atau pihak bank yang tidak dapat memastikan secara jelas maklumat peminjam. Keadaan inilah yang menyebabkan wujud masalah tidak simetri.

Ekoran dari keadaan itu, pihak yang mempunyai lebih banyak maklumat mampu untuk mengeksploitasi pihak yang satu lagi bagi mendapatkan keuntungan yang lebih banyak. Kesan dari masalah ini, akan wujud pula masalah *adverse selection* dan *moral hazard* di kalangan pelanggan atau peminjam. Semakin tinggi tingkat maklumat asimetri, semakin kurang cekap fungsi pasaran kewangan.

Dari kajian lepas yang pernah dilakukan oleh Bhattacharya dan Thakor (1993), maklumat asimetri adalah titik utama dalam perkembangan sistem perbankan. Selain itu juga, banyak kajian yang dilakukan contohnya Boot dan Thakor (1994) serta Petersen dan Rajan (1995) telah menunjukkan bahawa hubungan perbankan ini dapat mengatasi atau sekurang-kurangnya mengurangkan masalah asimetri. Dengan wujudnya hubungan ini, pihak bank dan pelanggan akan lebih mengetahui dan mengenali antara satu sama lain.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Allen dan Gale (1999) juga mendapati dengan mewujudkan dan mengembangkan hubungan antara kedua-dua pihak dari masa ke masa, insentif bagi salah satu pihak untuk bertindak oportunistik dapat dikurangkan. Oleh itu, hubungan jangka panjang antara keduanya akan memberi manfaat kewangan yang banyak kepada bank mahupun pelanggan. Boot (2000), berpendapat hubungan dari segi pinjaman akan meninggalkan ruang dan boleh disesuaikan mengikut budi bicara di dalam kontrak. Dengan kata lain, wujud ruang antara bank dan pelanggan dalam membuat rundingan terhadap pelanggan yang mempunyai masalah dalam memenuhi kewajipannya iaitu dalam membuat pembayaran. Keadaan ini akan mewujudkan hubungan pinjaman kredit dalam jangka masa yang panjang, dan ini akan memberi keuntungan kepada bank dalam jangka panjang walaupun tidak menguntungkan dalam jangka pendek. Ini menunjukkan dengan adanya hubungan ini, ia memberi kelebihan kepada kedua-dua pihak iaitu bank dan pelanggan.

Dengan melihat kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penulis terdahulu serta kepentingan hubungan perbankan dan jurang yang wujud sekiranya hubungan perbankan tidak diaplikasikan, maka kajian ini telah dijalankan. Kajian dilakukan dalam melihat kos dan faedah yang diperolehi dari hubungan perbankan ini. Kajian dilakukan dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Selain itu, kajian juga melihat pengaplikasian hubungan

perbankan ini dalam perbankan Islam yang mana diberi penekanan terhadap kontrak *Mudharabah* dan *Musyarakah*.

Kajian ini diharapkan dapat membuktikan kepentingan hubungan perbankan dalam sistem perbankan di negara ini. Sistem perbankan harus melihat kelebihan yang diperolehi dengan mewujudkan hubungan yang baik dengan pihak pelanggan. Hubungan baik yang wujud antara bank dan pelanggan akan memberi banyak manfaat dan faedah kepada kedua-dua pihak. Walaupun wujud kos yang perlu ditanggung, faedah yang diperolehi juga akan menguntungkan pihak bank.

Bagi melihat bahagian dalam kertas ini pula, kertas ini mengandungi lima bahagian. Bahagian kedua adalah berkaitan kos dan faedah hubungan perbankan, bahagian ketiga adalah produk-produk dalam perbankan Islam yang hanya boleh dilaksanakan dengan adanya hubungan perbankan, bahagian keempat aplikasi hubungan perbankan dalam perbankan Islam yang mana lebih ditekankan terhadap kontrak *Mudharabah* dan *Musyarakah* dan bahagian yang terakhir iaitu bahagian kelima adalah rumusan dan dapatan dari kajian yang telah dilakukan.

KOS DAN FAEDAH HUBUNGAN PERBANKAN

Dalam setiap perkara, pasti akan melibatkan kos dan faedah. Begitu juga dengan hubungan perbankan ini. Antara faedah yang diperolehi menurut Boot (1999), hubungan perbankan dapat memudahkan dan meningkatkan pertukaran Pareto antara maklumat bank dan pelanggan. Dengan hubungan perbankan, pelanggan akan lebih cenderung untuk mendedahkan lebih banyak maklumat daripada dalam interaksi yang berorientasikan transaksi semata-mata dan pihak bank mungkin mempunyai insentif yang lebih kuat untuk melabur dalam mendapatkan maklumat.

Menurut al-Hawary (2007), perantara kewangan Islam atau sistem perkongsian untung rugi ini yang melibatkan hubungan perbankan boleh dilihat melalui proses penyaringan sesuatu projek dan penyeliaan aktiviti kewangan yang dilakukan bagi pihak pendeposit dan institusi pinjaman atau bank. Oleh itu, boleh dikatakan kewujudan hubungan ini adalah dapat mengurangkan kos transaksi dan masalah maklumat asimetri yang wujud.

Dari kajian yang dilakukan oleh Wan Norsyakila (2009), melalui kajiannya terhadap kontrak *mudharabah*, penggunaan kontrak tersebut dilihat mampu mengurangkan kos penyeliaan, pemprosesan dan pencarian maklumat serta kos audit. Kajian juga menunjukkan bahawa kontrak *mudharabah* ini juga mampu mengurangkan penerimaan maklumat yang tidak simetri. Kontrak *mudharabah* adalah satu dari produk perbankan Islam yang memerlukan kewujudan hubungan perbankan untuk dilaksanakan.

Begitu juga yang dinyatakan dalam kajian yang dilakukan oleh Bhattacharya dan Chiesa (1995), pelanggan atau peminjam akan mudah mendedahkan maklumat pemilikan mereka kepada bank yang mana tidak akan pernah didedahkan kepada pasaran kewangan yang lain. Ini akan menyelesaikan masalah maklumat asimetri yang wujud antara kedua pihak tersebut. Keadaan ini wujud kerana adanya hubungan antara mereka dan pihak bank sudah pasti tidak akan mendedahkan maklumat tersebut kepada pesaing mereka atau pasaran kewangan lain dan pelanggan akan merasa lebih selamat dan yakin.

Selain itu, dengan wujudnya hubungan yang baik antara pihak bank dan pelanggan ia secara tidak langsung akan meningkatkan keuntungan kepada bank kerana pihak bank lebih dan telah mengenali pelanggan mereka. Seperti mana yang dinyatakan oleh Ashton & Pressey (2004), hubungan perbankan ini telah meningkatkan keuntungan kepada pihak bank, meningkatkan sumber maklumat kepada bank dalam membuat keputusan serta memudahkan pihak bank untuk memberikan pinjaman dan pembiayaan kepada para pelanggan.

Seterusnya, melalui hubungan perbankan ini, kontrak-kontrak pinjaman bank akan lebih mudah disesuaikan dengan keperluan jaminan atau cagaran (Boot, 2000). Melalui kajian yang dilakukan oleh Chan dan Thakor (1987), dengan adanya jaminan atau cagaran, ia akan mengurangkan masalah *moral hazard* dan *adverse selection* di kalangan peminjam dalam kontrak pinjaman. Walaubagaimanapun, jaminan atau cagaran tersebut akan lebih efektif atau berkesan jika nilainya dapat dikawal. (Rajan dan Winton, 1995). Pemantauan terhadap jaminan cagaran akan lebih berkesan bergantung kepada eratnya hubungan yang wujud antara bank dan peminjam melalui hubungan perbankan.

Hubungan perbankan ini juga dapat meningkatkan kebajikan pelanggan khususnya dalam kontrak-kontrak pinjaman. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Boot (2000), hubungan dari segi pinjaman boleh disesuaikan mengikut budi bicara di dalam kontrak. Dasar ini memiliki nilai kerana ia mempunyai fleksibiliti yang lebih besar dalam hubungan pembiayaan kerana dapat meningkatkan kesejahteraan. Pelanggan akan dapat menyelesaikan masalahnya contohnya kegagalan membuat

pembayaran dan pihak bank akan mengaut keuntungan yang lebih kerana hubungan yang dijalinan dengan pelanggan adalah dalam jangka masa yang lebih lama lagi. Kadar faedah yang dikenakan dalam jangka panjang adalah lebih tinggi berbanding jangka pendek. Oleh kerana itulah, pihak bank akan mendapat keuntungan yang lebih ekoran dari keadaan tersebut.

Dapat dilihat, hubungan perbankan memberi banyak faedah kepada pihak bank serta pelanggan atau peminjam. Apa yang jelas, maklumat yang diperolehi kepada kedua-dua pihak adalah lebih tepat berbanding tanpa wujudnya hubungan perbankan. Masalah maklumat asimetri sekurang-kurangnya dapat dikurangkan dan pertukaran maklumat adalah lebih sempurna. Pihak bank juga akan dapat mengesan dan mengenalpasti pelanggan atau peminjam yang berisiko tinggi. Walaubagaimanapun, di samping wujudnya faedah dalam hubungan ini, tetap wujud kos-kos lain yang terpaksa ditanggung.

Terdapat beberapa kos yang terpaksa ditanggung dalam hubungan perbankan ini. Pertama adalah *soft budget constraint*. *Soft budget constraint* adalah berkaitan dengan kurangnya potensi penangguhan pada bahagian bank dalam menguatkuasakan perjanjian kredit yang mana berkaitan dengan hubungan perbankan. Masalah ini merujuk kepada fakta bahawa bank kemungkinan tidak akan menafikan kredit tambahan kepada peminjam bagi jangka panjang. Keadaan ini merujuk kepada peminjam yang gagal untuk membuat pembayaran, maka mereka akan meminta kredit tambahan bagi menampung pinjaman terdahulu. Keadaan ini akan meningkatkan masalah *moral hazard* di pihak peminjam. Bagi peminjam yang menyedari rundingan ini adalah terlalu mudah, peminjam mungkin tidak akan berusaha mencegah perkara ini dari berlaku.

Kos yang kedua adalah masalah berterusan (*hold-up problem*). Melalui hubungan jangka panjang, bank akan mengumpul maklumat eksklusif tentang peminjam dan mempunyai monopoli maklumat terhadap peminjam tersebut. Maklumat peminjam akan sepenuhnya diketahui oleh bank. Dalam kes ini, pelanggan boleh cuba untuk mewujudkan hubungan berganda. Keadaan ini akan mengurangkan *hold up problem*, tetapi akan mengurangkan ketersediaan kredit. Ini adalah kerana, setiap bank yang mempunyai hubungan dengan pelanggan tersebut hanya mampu mengakses sedikit maklumat mengenai pelanggan tersebut kerana nilai pengambilalihan maklumat berkurang dari setiap bank. Oleh sebab itu, bank tidak memiliki insentif yang kuat untuk menawarkan keperluan kredit yang lebih baik kepada pelanggan atau peminjam.

Selain itu, wujud juga kos agensi yang mana kos ini timbul dari konflik antara kepentingan prinsipal dan agen apabila ada pihak yang mendakwa mempunyai pampasan yang lebih baik dari yang lain. Kos pembiayaan yang mana meliputi kadar faedah, kos pengapungan dan duti setem juga wujud dalam keadaan ini. Kadar faedah melibatkan nisbah pembayaran untuk kegunaan modal pinjaman serta kadar pulangan kepada pemberi hutang. Kos pengapungan pula melibatkan kos yang terpaksa ditanggung dalam sesuatu terbitan sekuriti baru. Dan apabila sesuatu dokumen atau perjanjian pindah milik berlaku, akan wujud duti setem yang mana cukai dikenakan dalam bentuk setem apabila berlaku pertukaran dalam dokumen perjanjian tersebut.

Disamping kos-kos yang telah dinyatakan, terdapat juga kos transaksi. Umumnya ketidaksempurnaan pasaran adalah berkaitan dengan kos transaksi. Beberapa penulis dan pengkaji terdahulu menekankan kos transaksi sebagai satu keadaan yang rasional dalam urusan perbankan. Sebagai contoh, kos transaksi boleh berlaku apabila wujud kos pencarian maklumat melalui penyediaan oleh pihak bank atau agensi pinjaman ke atas peminjam. Kos transaksi yang berlaku bukan hanya termasuk kos pencarian maklumat malah termasuk kos penyediaan dan kos audit. (Tobin, 1963).

PRODUK-PRODUK DALAM PERBANKAN ISLAM YANG MEMERLUKAN HUBUNGAN PERBANKAN

Objektif penubuhan perbankan Islam adalah berdasarkan dua faktor iaitu faktor keuntungan dan faktor agama. Faktor agama di sini bermaksud ia hendaklah membantu ke arah pencapaian objektif sosioekonomi masyarakat Islam. Ini bererti penubuhan perbankan Islam bukanlah hanya semata-mata kerana perniagaan atau keuntungan sahaja sebaliknya ia dapat membantu dalam meningkatkan pembangunan ummah.

Dalam amalan perbankan Islam di Malaysia, prinsip syariah yang diamalkan dalam operasi perniagaan dan pembiayaan adalah berasaskan akad muamalah serta mampu bersaing dengan instrumen pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi perbankan konvensional. Prinsip-prinsip tersebut ada yang berasaskan kepada akad pertukaran iaitu *bay' al-'inah*, *al-bay' bithaman ajil* (BBA), *al-qard al-hasan*, *bay' al-murabahah*, *bay' al-istijrar* (pembekalan), *bay' al-istisna'* (tempahan), *bay' al-salam*, *bay' al-dayn*, *al-sarf*, *al-ijarah* dan *al-ijarah thumma al-bay'* (AITAB). Prinsip yang berasaskan akad simpanan pula ialah *al-wadiah*, akad perwakilan iaitu *al-wakalah*, akad sukarela iaitu *al-hibah*,

akad yang memberi kepercayaan iaitu *al-kafalah*, *al-hiwalah* dan *al-rahn*, serta akad perkongsian iaitu *al-mudharabah* dan *al-musyarakah*.

Sepertimana yang telah dibincangkan, perbankan adalah dianggapkan sebagai Islam apabila semua urusniaganya adalah berasaskan perkongsian pulangan dan risiko di antara para pesertanya iaitu antara pihak bank dan pelanggan dan bukannya hubungan antara si penghutang dan si pemiutang. Dalam perbankan Islam, terdapat instrumen yang berasaskan akad perkongsian iaitu *al-mudharabah* dan *al-musyarakah*. Perkongsian ini biasanya melibatkan pelaburan modal atau perkongsian modal yang dilakukan oleh badan perniagaan, sama ada dalam bentuk syarikat atau milik perseorangan yang mana modal tersebut akan diusahakan untuk menghasilkan keluaran dan mendapat keuntungan. Produk-produk dalam perkongsian untung rugi ini hanya akan wujud dengan adanya hubungan perbankan.

Mudharabah

Al-Mudharabah dari segi bahasa, perkataan *mudharabah*, *Qirad* atau *muqaradah* digunakan untuk melambangkan idea iaitu untuk memberikan sebahagian daripada modal anda kepada seseorang supaya diniagakan dengan syarat keuntungan akan dikongsi antara berdua ataupun sebahagian daripada keuntungan itu diperuntukkan kepadanya secara adil.

Dari segi istilah pula, *Mudharabah* ialah satu jenis kontrak perkongsian untung yang mana modal (*Ra's al-Mal*) datang daripada satu pihak dan usaha (*al-'Amal*) daripada pihak yang lain. (Ab.Mumin Ab.Ghani)

Perkataan *mudharabah* diambil dari perkataan "*darb*" iaitu "*usaha di atas bumi*". Ia bermaksud *mudarib* (pengusaha modal) berhak untuk berkongsi sama keuntungan atas penat lelah dan usahanya. Selain itu, dia juga berhak untuk menggunakan modalnya dan berusaha mengikut arah tujuannya sendiri. (Zaharuddin Abd. Rahman 2009).

Oleh itu, *al-mudharabah* merujuk kepada satu bentuk perkongsian yang menggabungkan modal dan pengusaha untuk diusahakan bagi mendapatkan keuntungan dan membahagikan keuntungan tersebut antara pemilik modal dan pengusaha mengikut kadar atau nisbah yang dipersetujui bersama. Jika berlaku kerugian yang bukan disebabkan oleh kecuaiian dan salah laku pengusaha, ia akan ditanggung oleh pemodal.

Dalam amalan bank Islam, pemilik modal (bank Islam) boleh membiayai sepenuhnya sesuatu projek perniagaan atau pelaburan yang akan dijalankan oleh pengusaha yang bersetuju untuk berkongsi keuntungan dan dimeterai dalam perjanjian. Bank tidak akan mencampuri pengurusan projek berkenaan tetapi boleh mengawasi dan membuat susulan. Kerugian akan ditanggung oleh bank kecuali disebabkan oleh kecuaiian, penyelewengan, dan penyalahgunaan oleh pengusaha. (Joni Tamkin, 2005).

Musyarakah

Dari segi bahasa, 'syarikat' bermakna percampuran salah satu harta dengan harta yang lain sehingga tidak boleh dibezakan antara kedua-duanya. Jumhur ulama' menggunakan istilah ini kepada kontrak yang khusus dengan syarikat biarpun tidak berlaku percampuran antara dua bahagian saham, sebab kontrak itu menjadi sebab kepada percampuran (Wahbah al-Zuhaili 2005)

Majlis Syariah AAOIFI (*Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institution*) mendefinisikan *Musyarakah* sebagai persepakatan antara dua pihak atau lebih untuk menggabungkan sama ada modal, kerja atau komitmen dengan sasaran mendapatkan keuntungan.

Dari definisi yang telah diberikan, jelas menunjukkan *al-musyarakah* adalah akad perkongsian antara dua atau lebih pemilik modal bagi menjalankan sesuatu projek perniagaan atau pelaburan di mana mereka sama-sama bersetuju menyumbang modal dan berkongsi untung rugi. Dalam kata lain, ia adalah akad perkongsian modal dan usaha antara dua atau lebih pemodal dan pemegang saham untuk membiayai sesuatu projek dan keuntungan daripada projek itu dibahagikan antara mereka, sama ada mengikut perjanjian yang dibuat atau nisbah sumbangan modal masing-masing. Jika kerugian dialami oleh syarikat, ia akan ditanggung oleh mereka mengikut nisbah sumbangan modal. Modal boleh dalam bentuk wang atau harta benda yang lain yang boleh dinilai dengan wang.

Pengurusan projek berkenaan boleh dilakukan oleh kesemua pemilik modal ataupun oleh sebilangan daripada mereka sahaja tetapi keizinan daripada pemilik modal yang lain adalah perlu jika projek berkenaan diuruskan oleh sebahagian pemilik modal sahaja.

Berdasarkan dari apa yang telah dibincangkan, kontrak *al-mudharabah* dan *al-musyarakah* dalam perbankan Islam sangat memerlukan hubungan perbankan yang baik antara semua pihak. Hubungan yang perlu wujud perlulah dijaga bagi memastikan perniagaan dan perkongsian modal yang dibuat dapat memberikan keuntungan kepada semua pihak.

APLIKASI HUBUNGAN PERBANKAN DALAM PERBANKAN ISLAM

Seperti mana yang diketahui, terdapat dua jenis pembiayaan perkongsian untung rugi dalam kewangan Islam iaitu *Mudharabah* dan *Musyarakah*. Ia bukanlah bersandarkan kepada sistem kadar bunga tetapi berasaskan kepada perkongsian untung rugi yang mana memerlukan kontrak atau persetujuan antara semua pihak untuk berkongsi untung atau rugi dalam perniagaan tersebut. Sistem perkongsian ini adalah kaedah dan mekanisme yang selari dengan rangka kerja ekonomi Islam yang bebas dari amalan bunga dalam sistem urusan bank dan kewangan Islam. Dalam perkongsian untung rugi ini, badan syariah telah menggariskan beberapa syarat. Ia bertujuan sebagai garis panduan kepada pihak yang terlibat agar mengetahui hak dan tanggungjawab mereka.

Secara amnya, masyarakat Islam tidak akan berupaya mengelak dari terlibat dengan transaksi yang berasaskan riba selama mana institusi perbankan dan kewangan konvensional yang berasaskan riba masih beroperasi. Oleh itu, untuk mengatasi masalah ini, para fuqaha dan sarjana ekonomi Islam telah mengemukakan pelbagai bentuk transaksi alternatif yang selari dengan syariah iaitu keuntungan atau pulangan kepada setiap pihak dalam sesuatu akad adalah dalam bentuk kadar nisbah dan kerugian akan ditanggung oleh pihak pembiaya (pemilik) modal (*sahib al-mal*) yang bergantung kepada sumbangan modal mereka. (Joni Tamkin, 2005)

Jika dilihat, kedua-dua produk ini tidak akan dapat dilaksanakan jika tidak wujud hubungan perbankan antara pihak bank dan pelanggan. Kedua-dua produk ini memerlukan semangat kerjasama antara kedua-dua pihak dalam mencari keuntungan dan sekaligus dapat meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi terutama kepada masyarakat. Sebagai contoh, dalam *mudharabah* ia melibatkan persetujuan dua atau lebih pihak. Sebelah pihak akan menyediakan modal dan sebelah pihak yang lain akan memberikan kepakaran, kerja dan khidmat. Di sini hanya pihak pengusaha yang menjalankan perniagaan dan pihak pemodal tidak boleh masuk campur dalam urusan perniagaan. Namun pihak pemodal boleh membuat pemantauan dari masa ke semasa terhadap perniagaan yang dijalankan. Dapat dilihat di sini hubungan yang wujud antara kedua-dua pihak dalam melaksanakan transaksi ini.

Dalam kontrak *Musyarakah* pula, jumlah modal hendaklah diketahui oleh semua pemodal agar pembahagian keuntungan dapat dibuat dengan tepat bagi mengelakkan pertengkaran atau salah faham. Setiap rakan kongsi dibenarkan untuk sama-sama mengendalikan harta dan modal kecuali urusan yang boleh membawa kerugian ia mestilah mendapat persetujuan semua rakan kongsi. Nisbah pembahagian untung rugi haruslah juga dimaklumkan kepada semua rakan kongsi. Boleh dikatakan semua perkara haruslah dijelaskan dengan terperinci kepada semua rakan kongsi bagi mengelakkan penipuan dan mewujudkan hubungan yang baik dan melahirkan rasa percaya di kalangan rakan kongsi.

Selain daripada mendapatkan keuntungan, perbankan Islam juga ditubuhkan bagi tujuan pembangunan ummah. Oleh itu, hikmat pensyariaan *mudharabah* adalah jelas kerana ia merupakan satu keperluan penting demi menjaga kemaslahatan perhubungan manusia sesama manusia. Pemilik modal yang mempunyai lebih modal atau wang yang ingin melaburkan dan membiakkan lagi hartanya terpaksa menyalurkan lebih wang tersebut kepada satu pihak yang boleh dengan kepakaran dan kemampuan yang mereka miliki, membawa keuntungan kepada kedua-dua pihak. Begitulah sebaliknya bagi mana-mana pengusaha yang ingin mengusahakan sesuatu perniagaan atau perusahaan tetapi tidak mempunyai modal yang cukup atau tidak mampu membiayai perusahaan tersebut akan memohon pembiayaan melalui saluran ini. Oleh itu, jelas kedua-dua pihak adalah saling memerlukan antara satu sama lain.

Penggantian sistem urusan bank dan kewangan yang berasaskan riba kepada sistem berasaskan perkongsian untung rugi tidak sahaja dari sudut teknikal, tetapi mesti menggunakan mekanisme pembiayaan yang sesuai dengan syariah dan masyarakat Islam. Hubungan perbankan juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejayaan dan keuntungan dalam usaha yang dijalankan oleh pengusaha terhadap perniagaan yang dijalankan. Selain itu, kepercayaan adalah sangat penting dalam mendapatkan maklumat antara pemodal dan pengusaha atau pihak bank dan pelanggan. Hubungan yang baik juga dapat mengenalpasti dengan lebih awal masalah yang wujud dan sudah pasti ia dapat diselesaikan jika diketahui lebih awal dan dapat mengelakkan kerugian.

Jika dilihat, tanpa perkongsian untung rugi ini, pembiayaan yang wujud hanya menekankan kadar bunga dan pemberian satu nilai yang tetap yang harus dijelaskan oleh pelanggan tanpa mengambil kira risiko dan ketidakpastian yang dihadapi oleh pelanggan atau pengusaha. Ini jelas menunjukkan ia hanya memberikan keuntungan dan kepentingan hanya kepada satu pihak tertentu sahaja. Namun, dengan perkongsian untung rugi ini, Islam telah menekankan tentang keadilan dan risiko yang bakal dihadapi oleh setiap pihak yang terlibat.

Selain itu, kesan dari perkongsian untung rugi ini juga telah memberi kesan dalam mencapai objektif kebajikan sosioekonomi Islam yang mana diharap dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang akan mengurangkan jurang kemiskinan, mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat serta

mewujudkan keadilan dalam pengagihan pendapatan dan kekayaan. Dengan itu, matlamat penubuhan sistem perbankan Islam dapat dicapai iaitu meningkatkan pembangunan ummah dan ekonomi masyarakat Islam.

RUMUSAN

Dari kajian yang telah dilakukan, jelas menunjukkan bahawa hubungan perbankan adalah sangat penting terutamanya dalam perbankan Islam. Namun ia juga boleh diaplikasikan dalam perbankan konvensional di negara ini. Dengan wujudnya hubungan perbankan ini, ia akan dapat mengatasi masalah maklumat asimetri, moral hazard di samping dapat meningkatkan keuntungan kepada pihak bank serta dapat menjaga kebajikan para pelanggan dan peminjam. Walaubagaimanapun, hubungan perbankan ini akan lebih jelas dan mungkin boleh dibangunkan berdasarkan produk yang berasaskan perkongsian untung rugi dalam perbankan Islam iaitu dalam mudharabah dan musyarakah. Ini kerana kedua-dua produk ini lebih menitik beratkan semangat kerjasama antara semua pihak dan sifat percaya serta kejujuran.

Dengan itu, beberapa dasar baru berkaitan hubungan perbankan ini perlu diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menjadi garis panduan kepada semua sistem perbankan dan institusi-institusi kewangan dalam negara ini. Diharapkan dengan hubungan ini akan lebih meningkatkan keuntungan kepada institusi kewangan seterusnya memberi kesan yang positif kepada ekonomi negara.

Kajian ini hanyalah melihat kepada teori dan kajian-kajian lepas serta kesan yang dialami ekoran dari wujudnya hubungan perbankan tetapi bukanlah kajian dalam bentuk empirikal. Oleh itu, kajian lanjut boleh dilakukan bagi melihat kesan-kesan dan kepentingan hubungan perbankan dalam sistem perbankan sama ada perbankan Islam atau Konvensional.

RUJUKAN

- Ab. Mumin Ab. Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdullah Alwi Hj.Hassan *et al.* (2005). *Teori dan Aplikasi Kontemporari: Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Arnoud W.A Boot. (1999). Relationship Banking: What Do We Know?. *Journal of Financial Intermediation* 9. Pp. 7-25
- Berger, A.N. and Udell, G.F. (2002). Small Bussiness credit availability and relationship lending: The importance of bank organisational structure. *The Economic Journal* 112, pp. F32-F53.
- Bhattacharaya, S., and Chiesa, G. (1995). Proprietary information, Financial intermediation, and research incentives. *Journal of Finance Intermediation*. Volume 4, Issue 4.
- Bhattacharaya, S., and Thakor, A.V. (1993). Contemporary banking theory. *Journal of Finance Intermediate*. 3, 2-50
- Boot A.W.A., Greenbaum, S. I., and Thakor, A.V. (1993). Reputation and discretion in Financial Contracting. *Journal of America Economy Rev.* 83, 1165-1183.
- Chan. Y., and Thakor, A.V. (1987). Collateral and competitive equilibria with moral hazard and private information. *Journal of Finance*. 42, 345-363
- El-Hawary, D., Grais W. & Iqbal Z. (2006). Diversity in The Regulation of Islamic Financial Institution. *The Quarterly Review of Economics and Finance* 46. 2007. 778-800
- Frankin Allen, Douglas Gale. (1999). Innovations in Financial Services, Relationship and Risk Sharing. *Journal of Management and Science*.
- Gabriel Jimenez, Jesus Saurina. (2004). *Collateral, Type of Lender and Relationship Banking as Determinants of Credit Risk*. Madrid: Banco De Espana
- George J.Benston, and Clifford W. Smith. (1976). A Transactions Cost Approach to The Theory of Financial Intermediation. *The Journal of Finance*. Vol.31, No.2.
- Janne Peltoniemi. (2004). The Value of Relationship Banking: empirical evidence on small bussiness financing in Finnish credit markets. *Faculty of Economics and Bussiness Administration*. Department of Accounting and Finance. Oulu: Univercity of Oulu.
- Joni Tamkin bin Borhan. (2005). *Pelaksanaan Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd
- Leland, H.E. (1977). Informational Asymmetries, Financial Structure and Financial Intermediation. *The Journal of Finance* 2. (32): 371-387

- Mabid Ali al-Jarhi. (2005). The Case For Universal Banking as a Component of Islamic Banking. *Islamic Economic Studies*. Vol.12, No.2. Vol.13, No.1. February and August 2005.
- Martin Brown, Christian Zehnder. (2005). Credit Registries, Relationship Banking and Loan Repayment. Zurich.
- Michael Pirson. (2006). Trust and loyalty in client-bank relationship: a qualitative perspective. *Reputation Institute Conference*. Harvard University.
- Mohd Adib Ismail, Achmad Tohirin.(2010). Financial Constraints and Islamic Finance: External Financing Perspective. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Murshidi Mohd Noor, Ishak Suliaman. (2008). *Al-Syarikah: Perkongsian*. Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nor Aini Ali. (2005). *Perancangan Kewangan Islam dan Konvensional: Analisis Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributirs Sdn.Bhd.
- Petersen, M., and Rajan. R. (1995). The effect of credit market competition on lending relationships. *Quart. Journal of Economics*. 110. 406-443.
- Rajan, R. And Winton, A. (1995). Covenants and collateral as incentives to monitor. *Journal of Finance* 50. 1113-1146.
- Ruhaini Muda, Abd. Ghafar Ismail. (2010). Profit Loss Sharing and Value Creation in Islamic Banks. *Journal of Bussiness and Policy Research*. Vol. 5, No.2. December 2010. pp. 262-281.
- Tobin J. & Brainard W.C. (1963). Financial Intermediaries and The Effectiveness of Monetary Control. *American Economics Review*. Yale University
- Wahbah al-Zuhaili. (2005). *Fiqh dan Perundangan Islam: Jilid IV*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yuk Shee Chan. (1983). On The Positive Role of Financial Intermediation in Allocation of Venture Capital in a Market with Imperfect Information. *The Journal of Finance*. Vo.38. No.5.
- Zaharuddin Abd.Rahman. (2008). *Wang, Anda dan Islam: Halal dan Haram dalam Kewangan Dan Perbankan*. Kuala Lumpur : True Wealth Sdn.Bhd.
- Zaharuddin Abd. Rahman. (2009). *Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn.Bhd.